

BAB 7
**CABARAN PENDIDIK DALAM PROSES PENGAJARAN
DAN PEMBELAJARAN SECARA ATAS TALIAN SEMASA
PANDEMIK COVID-19**

Zaleha Embong

PENDAHULUAN

Pada akhir Disember 2019, satu wabak telah ditemui di wilayah Wuhan, China. Virus ini merebak dengan cepat dan mudah dijangkiti sehingga boleh mengakibatkan kematian. Kewujudan wabak yang berpunca daripada koronavirus sindrom pernafasan akut teruk 2 (SARS-CoV-2) telah menjadi bencana besar bagi masyarakat dunia. Kematian demi kematian bertambah setiap hari di seluruh dunia sehinggakan WHO mengisytiharkan COVID-19 sebagai pandemik. Bagi mengekang penularan dalam kalangan masyarakat, kebanyakan negara mengambil keputusan untuk mengenakan sekatan kepada pelancong luar, arahan penjarakan fizikal dan mewajibkan pemakaian pelitup muka (Gonzalez et al., 2020; Wang et al., 2020). Pandemik ini telah meninggalkan impak yang cukup besar kepada dunia dari aspek sosioekonomi, pendidikan, politik, kesihatan dan sebagainya.

Impak pandemik di Malaysia menyebabkan pihak kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengelakkan risiko jangkitan. Maka, sepanjang PKP Fasa 1 dilaksanakan, hanya 22 sektor perkhidmatan dibenarkan beroperasi dan dikurangkan kepada 10 semasa PKP Fasa 2 (Majlis Keselamatan Negara, 2020). Penutupan ini merangkumi perkhidmatan pendidikan yang memerlukan semua institusi berkaitan pendidikan perlu beroperasi dengan kaedah berbeza bagi memastikan matlamat dan agenda pendidikan dapat dilestarikan. Institusi